

Spesies kerang di perairan Sungai Geting dicemari toksin

SH 12/10/2021 No: 22

KOTA BHARU - Orang ramai dilarang memungut, menjual atau memakan spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepahi dan lala di perairan Sungai Geting, Tumpat kerana dicemari toksin saraf atau saxitoxin daripada alga berbahaya iaitu *alexandrium minutum*.

Pengarah Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta berikutan keputusan analisis makmal Biosekuriti Perikanan mendapati kerang-kerangan tersebut telah tercemar dengan bahan toksin itu.

“Akibat daripada memakan kerang-kerangan itu boleh menyebabkan keracunan, berbahaya dan memudaratkan kesihatan.

“Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Pejabat Perikanan Negeri Kelantan di talian **09-7414 770** atau Pejabat Perikanan Daerah Tumpat, **09-7257 995**,” katanya.

Saxitoxin adalah neurotoksin yang kuat dan toksin kerang lumpuh yang paling terkenal.

Pengambilan saxitoxin oleh manusia,



NOTIS

KEPADA : PEMUNGUT/ PENIAGA/ PEMBELI/ ORANG AWAM

DILARANG MEMUNGUT/ MENJUAL/ MEMAKAN KERANG-KERANGAN (TIRAM, LOKAN, KEPALI, LALA DAN LAIN-LAIN KERANG-KERANGAN) DI KAWASAN PERAIRAN SUNGAI GETING, TUMPAT, KELANTAN BERMULA BULAN OKTOBER 2021 SEHINGGA DIMAKLUMKAN KELAK.

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA KEPUTUSAN ANALISIS DARIPADA PIHAK MAKMAL BIOSEKURITI PERIKANAN MENDAPATI KERANG-KERANGAN DI KAWASAN TERSEBUT TELAH TERCEMAR DENGAN TOKSIN SARAF (SAXITOXIN) DARIPADA ALGA BERBAHAYA IAITU *ALEXANDRIUM MINUTUM*. AKIBAT DARIPADA MEMAKAN KERANG-KERANGAN TERSEBUT BOLEH MENYEBABKAN KERACUNAN, BERBAHAYA SERTA MEMUDARATKAN KESIHATAN MANUSIA.

Sebarang Pertanyaan Lanjut Sila Hubungi:
Pejabat Perikanan Negeri Kelantan

Notis yang dikeluarkan agensi berkenaan pada Isnin.

biasanya dengan pengambilan kerang-kerangan yang tercemar oleh alga toksik, bertanggungjawab atas penyakit yang dikenali sebagai keracunan kerang lumpuh.